

JAWAPAN

BAB 1

1.1 Konsep Kekurangan, Pilihan dan Kos Lepas

1. Ilmu ekonomi ialah bidang sains sosial yang mengkaji cara menguruskan sumber ekonomi yang terhad dalam memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad.



AKTIVITI 1.1.1

1. (a) Adam Smith, Alfred Marshall, Paul Samuelson
- (b) **Ekonomi klasik**
 - mengkaji ilmu ekonomi sebagai sains kekayaan dalam memenuhi keperluan manusia dan cara-cara yang digunakan bagi mencapai kekayaan tersebut
 - membenarkan campur tangan kerajaan apabila kegagalan pasaran berlaku supaya kebijakan sosial dapat dijamin
 - berlandaskan teori tangan ghaib (*invisible hand theory*) yang menyatakan bahawa kepentingan sendiri, persaingan dan motif keuntungan mempengaruhi pilihan ekonomi dan seterusnya secara tidak langsung memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan
- (c) **Ekonomi neoklasik**
 - memberi penekanan kepada kebijakan manusia
 - mempunyai kekayaan material dianggap sebagai sumber kepada kebijakan manusia atau merupakan alat untuk mencapai matlamat dan bukannya kekayaan itu sendiri sebagai matlamatnya
 - menyokong campur tangan kerajaan yang minimum dalam ekonomi
 - mengkaji bagaimana penawaran dan permintaan berinteraksi untuk menentukan harga dan kuantiti dalam semua pasaran secara serentak
(terima jawapan lain yang munasabah)
- (c) "Sains" merujuk kepada pendekatan saintifik yang melibatkan penggunaan data empirikal, model matematik, dan kerangka teori untuk menganalisis fenomena ekonomi, membuat ramalan, dan menguji hipotesis.
"Sosial" pula merujuk kepada tingkah laku manusia, interaksi, dan sistem kemasyarakatan.
(terima jawapan lain yang munasabah)

2. (a) (i) keinginan manusia
(b) (i) sumber ekonomi (ii) kehendak manusia
(c) (i) membuat keputusan (ii) kehendak
(iii) pengorbanan

3.	Pernyataan	Faktor pengeluaran
(i)	Sanggup menanggung risiko	Usahawan
(ii)	Menyumbangkan tenaga mental dan fizikal	Buruh
(iii)	Individu yang kreatif dan inovatif	Usahawan
(iv)	Anugerah daripada alam semula jadi	Tanah
(v)	Berbentuk wang atau alatan	Modal
(vi)	Menggabung dan menyelaras faktor pengeluaran	Usahawan
(vii)	Terdiri daripada sumber yang boleh diperbaharui dan sumber tidak boleh diperbaharui	Tanah
(viii)	Digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan	Modal



AKTIVITI 1.1.3

2. Tanah

Premis kedai pizza

Modal

Komputer, ketuhar, karung "hot pouch", motosikal, perbelanjaan untuk membeli bahan mentah

Buruh

Tukang masak, penghantar pizza

Usahawan

Pemilik kedai pizza

4. (a) kos lepas

(b) (i) faedah

(ii) kedua terbaik

5.	Unit ekonomi	Isi rumah	Firma	Kerajaan
Maksud	Seorang atau sekumpulan individu yang tinggal dalam sebuah rumah	Unit ekonomi yang merancang penggunaan faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan	Unit ekonomi yang mempunyai kuasa untuk membuat dan menguatkuasakan undang-undang untuk menjaga kestabilan ekonomi	
Kekurangan	Kekurangan pendapatan wang	Kekurangan faktor pengeluaran	Kekurangan hasil negara	
Matlamat pilihan	Bermatlamatkan kepuasan maksimum	Bermatlamatkan keuntungan maksimum	Bermatlamatkan kebijakan rakyat yang maksimum	
Kos lepas	Kepuasan yang mungkin daripada barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan	Keuntungan yang mungkin daripada keluaran kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan	Kebijikan yang mungkin diperoleh daripada projek pembangunan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan	



6. (a) Puan Dalila menghadapi kekurangan pendapatan. Hanya memiliki sebanyak RM1 200 sahaja.
- (b) Puan Dalila akan memilih barang yang dapat memberikan kepuasan yang maksimum. Puan Dalila memilih televisyen kerana memberikan kepuasan yang maksimum kerana televisyen lama sudah rosak hampir selama enam bulan, lagi pun televisyen boleh digunakan oleh semua orang ahli keluarga.
- (c) Kepuasan daripada barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan iaitu komputer riba.

AKTIVITI 1.1.6

Saya memilih untuk mengambil alih syarikat pesaing yang terdekat dengan kos RM3.3 juta kerana:

- Kos lebih rendah
- Dapat mengurangkan pesaing dalam pasaran
- Semua faktor pengeluaran yang dimiliki oleh syarikat pesaing boleh diambil alih secara terus, mengurangkan kos untuk membeli mesin dan jentera baharu, tidak perlu mengupah dan melatih pekerja baharu. Kos pengeluaran dapat dikurangkan.

(Terima jawapan lain yang munasabah)

7. (a) Kerajaan menghadapi kekurangan sumber hasil negara. Hanya memiliki sebanyak RM100 juta sahaja.
- (b) Kerajaan akan memilih projek pembangunan yang dapat memberikan kebajikan masyarakat yang maksimum serta mampu dilaksanakan iaitu memilih projek pembinaan bangunan sekolah kerana memberikan kebajikan masyarakat yang maksimum.
- (c) Kebajikan daripada projek pembangunan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan iaitu projek pembinaan jambatan.

$$\begin{aligned}8. \text{ Kos lepas} &= 80 - 20 \\&= 60 \text{ botol sos tiram}\end{aligned}$$

9. (a) $\text{Kos lepas} = 5000 - 2600$
 $= 2400 \text{ unit kasut sukan}$
- (b)
 - Syarikat Diwali menghadapi kekurangan faktor pengeluaran / sumber ekonomi.
 - Sumber ekonomi / faktor pengeluaran yang dimiliki hanya cukup untuk mengeluarkan kaedah P atau kaedah Q.
 - Jika syarikat memilih untuk menggunakan kaedah Q, syarikat perlu melepaskan 2400 kasut sukan.
 - Merupakan keluaran / output kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan.

10. Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) ialah keluk yang menunjukkan had maksimum tingkat pengeluaran yang dapat dicapai oleh sebuah ekonomi dengan menggunakan faktor pengeluaran yang ada dan tingkat teknologi tertentu.

11.

Ekonomi telah mencapai guna tenaga penuh

Ekonomi hanya mengeluarkan dua jenis barang


Andaian KKP

Sumber ekonomi yang dimiliki adalah terhad dan tetap

Tingkat teknologi adalah tetap / malar / tidak berubah

AKTIVITI 1.1.7

(a)



- (b) (i) Pengeluar dapat mengeluarkan 2 unit barang pengguna dan 10 unit barang modal. Tetapi pengeluar tidak cekap dalam proses pengeluaran. Kombinasi pengeluaran ini terletak di dalam Keluk Kemungkinan Pengeluaran. Faktor pengeluaran tidak digunakan sepenuhnya dan masalah pembaziran serta pengangguran berlaku. Pengeluar boleh menambah pengeluaran barang modal tanpa mengurangkan pengeluaran barang pengguna.
- (ii) Pengeluar tidak dapat mengeluarkan 4 unit barang pengguna dan 15 unit barang modal pada masa yang sama kerana pengeluar tidak mempunyai faktor pengeluaran yang mencukupi. Kombinasi tersebut hanya tercapai apabila pengeluar menambahkan faktor pengeluaran, meningkatkan tingkat teknologi pengeluaran atau meningkatkan kecekapan/produktiviti buruh.
- (c) (i) $\text{Kos lepas mengeluarkan } 3 \text{ unit barang pengguna}$

$$\begin{aligned}&\text{Perubahan barang modal} \\&= \frac{16 - 25}{3 - 2} \\&= -9 \text{ unit barang modal}\end{aligned}$$



(ii) Kos lepas mengeluarkan 10 unit barang modal

$$\begin{aligned}
 &= \frac{\text{Perubahan barang pengguna}}{\text{Perubahan barang modal}} \\
 &= \frac{4 - 5}{10 - 0} \\
 &= -1 \text{ unit barang pengguna}
 \end{aligned}$$

12. Kombinasi T

- Memilih untuk mengeluarkan blous sahaja
- Merupakan keperluan bagi isi rumah terutama wanita
- Digunakan sebagai pakaian harian untuk riadah / ke tempat kerja
- Pakaian lebih *casual* untuk wanita berbanding baju kurung / baju kebaya
- Sentiasa mempunyai permintaan dalam pasaran
- Tidak perlu menyimpan stok yang lama / menyediakan ruang menyimpan yang besar
- Dapat membeli bahan mentah dalam kuantiti yang besar
- Dapat menikmati ekonomi bidangan
- Setiap unit barang dapat dijual dengan harga yang rendah / mampu milik semua pengguna
- Mampu menarik wanita Melayu, Cina, India dan bumiputera Sabah dan Sarawak

Kombinasi X

- Memilih mengeluarkan langsir sahaja
- Sangat menjadi tumpuan pada musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri
- Harga tidak mempengaruhi permintaan pengguna kerana cita rasa mengatasi segalanya
- Pasaran mampu dilakukan melalui media sosial seperti Facebook / Instagram / Tik Tok
- Dapat memasarkan ke seluruh negara tanpa membuka premis disetiap negeri / daerah
- Dapat menjimatkan kos pengeluaran seperti penggunaan tenaga kerja di bahagian pemasaran / promosi
- Kadar keuntungan perniagaan menjadi lebih besar kerana harga di pasaran tidak perlu diturunkan selaras dengan matlamat firma memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos

Kombinasi V

- Mengeluarkan 170 unit baju melayu dan 20 unit baju kurung
- Kedua-dua barang merupakan barang keperluan

13. Kos:

- Kos yang terlibat dalam projek ini ialah RM55 bilion yang dipinjam dari China.
- Kerajaan juga terpaksa membayar faedah untuk pinjaman tersebut.
- Ini akan menyebabkan kerajaan terpaksa menangguhkan projek pembangunan lain kerana peningkatan perbelanjaan kerajaan untuk membayar faedah serta pokok pinjaman.
- Kos penyelenggaraan dan kos operasi lain yang terlibat dalam projek ini.
- Kos lain seperti kemusnahan hutan dan peningkatan aktiviti ekonomi menyebabkan kesesakan serta pencemaran alam sekitar seperti pencemaran udara.

Faedah:

- Penjimatkan masa perjalanan.
- Penjimatkan kos pengangkutan.

- Mempelbagaikan aktiviti ekonomi di pantai timur.
- Peningkatan peluang pekerjaan.
- Peningkatan pendapatan masyarakat.
- Peningkatan taraf hidup masyarakat.
- Mempelbagaikan pilihan barang.
- Menurunkan harga barang akibat pilihan yang banyak.

14. Saya menyokong pelaksanaan kempen ini kerana:

- Beg plastik konvensional mencemarkan alam sekitar.
- Plastik tidak terurai secara semula jadi.
- Ini menggalakkan jangkitan penyakit seperti demam denggi.
- Meningkatkan kos pelupusan.
- Pembakaran plastik mencemarkan udara.
- Pelupusan plastik menjejaskan ekosistem.
- Meningkatkan kos perubatan.
- Menjejaskan produktiviti.
- Meningkatkan kos perniagaan.
- Mewujudkan perubahan sikap manusia kepada kaedah kitar semula.

1.2

Sistem Ekonomi dan Penyelesaian Masalah Asas Ekonomi

15. (i) Apa yang hendak dikeluarkan
 (ii) Berapa yang hendak dikeluarkan
 (iii) Bagaimana hendak dikeluarkan
 (iv) Untuk siapa dikeluarkan

AKTIVITI 1.2.1

1. (a) Bagaimana hendak dikeluarkan
 (b) Berapa yang hendak dikeluarkan
 (c) Untuk siapa dikeluarkan
 (d) Apa yang hendak dikeluarkan

16. Apa yang hendak dikeluarkan

- Masalah ini berkaitan menentukan jenis barang yang hendak dikeluarkan. Ia diselesaikan melalui permintaan masyarakat. Dalam situasi ini, syarikat mengeluarkan fail kertas.

Berapa yang hendak dikeluarkan

- Masalah ini berkaitan menentukan kuantiti barang yang hendak dikeluarkan. Ia diselesaikan melalui permintaan masyarakat. Dalam situasi ini, syarikat mengeluarkan 300 000 keping fail kertas.

Bagaimana hendak dikeluarkan

- Masalah ini berkaitan menentukan kaedah pengeluaran barang. Ia diselesaikan melalui memilih sama ada kaedah berintensifikasi modal atau berintensifikasi buruh yang paling cekap dan dapat meminimumkan kos. Syarikat ini menggunakan teknologi pengeluaran Taiwan yang dapat menjimatkan kos buruh sehingga 40%.

Untuk siapa dikeluarkan

- Masalah ini berkaitan menentukan pengagihan barang kepada kumpulan pengguna yang menjadi sasaran. Dalam situasi ini, syarikat menyasarkan pelajar sekolah dan juga pelajar kolej.

17. (a) Merupakan sistem ekonomi perancangan pusat. Ia merupakan satu sistem ekonomi yang kerajaan atau badan perancangan pusat berkuasa penuh dalam membuat segala keputusan ekonomi.



- (b) Merupakan sistem ekonomi pasaran bebas. Ia merupakan satu sistem ekonomi yang individu dan pihak swasta bebas membuat segala keputusan ekonomi tanpa campur tangan kerajaan.
- (c) Merupakan sistem ekonomi campuran. Satu sistem ekonomi yang menggabungkan pelbagai ciri kebaikan dalam sistem ekonomi pasaran bebas dan sistem ekonomi perancangan pusat.
18. (a) Perancangan pusat (b) Pasaran bebas
 (c) Campuran (d) Campuran
 (e) Perancangan pusat (f) Pasaran bebas
 (g) Pasaran bebas (h) Campuran
 (i) Perancangan pusat (j) Pasaran bebas
 (k) Campuran (l) Pasaran bebas
19. (a) Dimiliki secara mutlak oleh kerajaan
 (b) Dimiliki oleh individu, swasta dan kerajaan
 (c) Pengguna dan pihak pengeluar berhak membuat keputusan ekonomi
 (d) Segala keputusan ekonomi dibuat oleh kerajaan melalui badan perancangan pusat
 (e) Pengguna dan pengeluar bebas membuat pilihan
 (f) Pengguna dan pengeluar bebas membuat pilihan dengan kawalan kerajaan
 (g) Korea Utara



AKTIVITI 1.2.2

- (a) • Segala keputusan ekonomi dibuat oleh kerajaan
 • Semua faktor pengeluaran dimiliki dan dikawal oleh kerajaan
 - Rakyat tidak mempunyai kebebasan menentukan barang dan perkhidmatan yang hendak dibeli, firma tidak boleh menentukan barang dan perkhidmatan yang hendak dikeluarkan
- (Terima jawapan lain yang munasabah)
- (b) • Individu dan firma bebas membuat keputusan ekonomi untuk memaksimumkan kepuasan dan keuntungan masing-masing
 • Individu dan firma bebas memiliki faktor pengeluaran
 • Individu bebas membeli barang mengikut corak agihan pendapatan dan memaksimumkan kepuasan. Firma bebas menentukan barang dan perkhidmatan yang hendak dihasilkan untuk memaksimumkan keuntungan.
- (Terima jawapan lain yang munasabah)
- (c) China telah mengubah sistem ekonomi dari sistem ekonomi perancangan pusat ke sistem ekonomi campuran. Ekonomi negara dibuka kepada negara asing. Pelaburan langsung asing mengalir ke negara China dan sektor perindustrian berkembang pesat. Tetapi kerajaan masih mengambil peranan penting dalam aktiviti ekonomi.
- (d) Saya bersetuju. Pembaharuan yang dijalankan oleh negara China telah meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Firma bebas melakukan projek pelaburan bagi meningkatkan keuntungan. Isi rumah mempunyai lebih banyak pilihan bagi memaksimumkan kepuasan. Peluang pekerjaan bertambah menyebabkan kadar guna tenaga meningkat dan kadar pengangguran menurun. Pendapatan negara meningkat membolehkan hasil cukai kerajaan bertambah. Hasil kerajaan dapat digunakan bagi menyediakan barang awam bagi memaksimumkan kebaikan masyarakat. Secara keseluruhannya, taraf hidup rakyat meningkat.

20. (a) Negara M: Sistem ekonomi campuran
 Negara W: Sistem ekonomi pasaran bebas

(b)

Masalah asas ekonomi	Negara M	Negara W
Apa yang hendak dikeluarkan	Diselesaikan melalui mekanisme pasaran dan kuasa kerajaan. Pihak pengeluar mengeluarkan barang mengikut permintaan masyarakat dan kerajaan menyediakan barang awam.	Diselesaikan melalui kuasa permintaan dan kuasa penawaran (mekanisme pasaran) di pasaran.
Bagaimana hendak dikeluarkan	Pengeluar akan memilih kaedah pengeluaran paling cekap yang dapat memaksimumkan keuntungan. Kerajaan akan memilih kaedah pengeluaran paling cekap yang dapat memaksimumkan kebaikan masyarakat.	Pengeluar akan memilih kaedah pengeluaran paling cekap yang dapat memaksimumkan keuntungan.

21. (a) Negara X: Sistem ekonomi perancangan pusat
 Negara Y: Sistem ekonomi pasaran bebas

(b)

Aspek	Negara X	Negara Y
Penentuan jenis barang yang hendak dikeluarkan	Didentifikasi oleh kerajaan dan barang yang membawa faedah sosial yang tinggi diberi keutamaan	Didentifikasi oleh pengguna dan pengeluaran barang berdasarkan cita rasa dan keperluan pengguna
Penentuan harga	Didentifikasi oleh kerajaan	Didentifikasi oleh kuasa permintaan dan kuasa penawaran
Penentuan kadar upah	Didentifikasi oleh kerajaan kerana ketidaaan kesatuan sekerja	Kadar upah yang diterima oleh pekerja bergantung kepada rundingan antara majikan dan kesatuan sekerja



- 22.** (a) Sebagai sebahagian daripada keseluruhan sistem hidup Islam di mana keputusan ekonomi berlandaskan al-Quran dan Hadis.
- (b) Wujud persaingan yang adil dan saksama antara individu dalam membuat keputusan ekonomi demi kebaikan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat.
- (c) Keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat di mana prinsip kesederhanaan amat diutamakan.
- 23.** (a) – Penguatkuasaan undang-undang dan insentif
– Pengenaan cukai
– Program menjaga kebaikan masyarakat
– Memastikan persaingan sihat dalam kalangan pengeluar
– Mengawal bekalan barang keperluan
– Menyediakan barang awam
- (b) Setuju
– Agihan pendapatan yang seimbang
– Semua barang / perkhidmatan diagihkan secara sama rata kepada semua masyarakat
– Jurang pendapatan antara masyarakat menjadi kecil
– Kerajaan mengeluarkan barang awam / barang yang diperlukan oleh masyarakat
– Motif kerajaan memaksimumkan kebaikan masyarakat
– Peruntukan sumber ke arah kebaikan rakyat
– Semua faktor pengeluaran diagihkan melalui badan perancangan pusat / mengambil kira kos sosial yang mungkin berlaku
– Pengeluaran secara berskala besar
– Kerajaan dapat melakukan aktiviti pengeluaran secara besar-besaran kerana kerajaan adalah pemilik faktor / pengeluar tunggal dalam pasaran,
– Dapat menikmati ekonomi bidangan / kos pengeluaran lebih rendah
– Harga barang dalam pasaran turut rendah

ATAU

Tidak setuju

- Pilihan individu terhad
- Semua pilihan / keputusan dibuat oleh kerajaan / masyarakat tidak mempunyai kebebasan
- Masyarakat kurang bermotivasi / insentif bekerja kuat
- Individu tidak dibenarkan mengumpulkan kekayaan secara bebas
- Mendorong individu untuk tidak terus bekerja dan berusaha keras
- Sifat keusahawanan individu terhad
- Keusahawanan / inovasi tidak berkembang pesat kerana tiada persaingan
- Keadaan ekonomi dalam sistem menjadi tidak berkembang maju
- Risiko kesilapan dalam membuat keputusan
- Keputusan ekonomi ditentukan oleh sekumpulan kecil pemerintah di peringkat pusat
- Risiko membuat keputusan yang tidak tepat / boleh menjadikan kebaikan rakyat

Nota: Jawapan calon tidak boleh bercampur antarauraian setuju dan tidak setuju